

Tuntutan penculik tidak perlu dilayan: Dr Rais

BH 28 MAY 2000

Oleh NURUL ADLINA KAMALUDIN

KUALA LUMPUR: Malaysia tidak perlu melayan tuntutan kumpulan penculik di Pulau Jolo, Filipina yang meminta supaya satu Suruhanjaya Sabah ditubuhkan bagi menyasihat dakwaan kononnya berlaku pelanggaran hak asasi manusia terhadap pendatang Moro di Sabah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, berkata, selain tidak berasas, tuntutan itu juga tidak akan menyelesaikan masalah sebenar yang dihadapi kumpulan berkenaan.

Malah, katanya, seperti di-

akuai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin, kerajaan Malaysia sebaliknya sudah banyak mengeluarkan wang bagi memastikan pendatang Filipina menikmati kemudahan yang ada di Sabah.

“Oleh itu tuntutan mereka memintakita menubuhkan satu suruhanjaya khusus, tidak perlu dilayan kerana dakwaan mereka itu tidak benar.

“Malah, saya yakin, tindakan kita (tidak mematuhi permintaan mereka) tidak akan menimbulkan masalah seperti kemungkinan tebusan dcedera atau dibunuh. Ini kerana, kumpulan penculik itu tahu risiko yang mereka hadapi jika berbuat demikian, termasuk diha-

dapkan ke Mahkamah Dunia serta tindakan dan sekatan antarabangsa lain,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Dr Mahathir kelmdrin Malaysia tidak bersetuju dengan tuntutan itu yang tidak wajar dan tidak pernah dilakukan kerajaan dengan mana-mana kumpulan yang membuat tuntutan sedemikian.

Kumpulan penculik yang sedang menahan 21 tebusan, termasuk sembilan rakyat Malaysia, membuat tuntutan bagi membebaskan tahanan, termasuk suruhanjaya khas diwujudkan dan penubuhan sebuah negara Islam merdeka di Mindanao.

Dr Rais berkata, selain boleh dihadapkan ke mahkamah antarabangsa, kumpulan itu juga akan berhadapan dengan masalah lain termasuk kecaman daripada masyarakat antarabangsa jika terus berdegil.

“Malah, apa yang menyedihkan, perjuangan mereka selama ini akan menjadi sia-sia kerana masyarakat antarabangsa lebih melihat mereka sebagai pemberrontak dan berkait rapat dengan keganasan.

“Keadaan pasti lebih sukar apabila mereka sudah tidak mendapat simpati negara asing, apalagi dari Malaysia sendiri yang selama ini sudah banyak membantu pendatang Filipina di Sabah,” katanya.

Bagaimanapun, Dr Rais berkata, apa yang beliau kesali adalah sikap kerajaan Filipina yang ternyata berdiam diri daripada bertindak lebih serius bagi menangani masalah penculikan serta kemelut yang dialami kumpulan penculik berkenaan.

“Filipina tidak boleh mengambil ringan masalah ini kerana mereka mempunyai tanggungjawab persempadanan dan juga sebagai tanda menghargai semangat setiakawan Asean.

“Sehubungan itu, adalah tidak adil jika kumpulan berkenaan menuding jari ke arah kita (Malaysia) sedangkan sudah sewajarnya kerajaan Filipina yang harus berusaha menyelesaikan masalah ini,” katanya.